

22/01/2002

Kerajaan timbang bina kompleks CIQ di Bukit Chagar

JOHOR BAHRU, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kerajaan sedang menimbang membina kompleks Imigresen, Kastam dan Kuarantin (CIQ) baru di Bukit Chagar, di sini, bagi menggantikan kemudahan sedia ada di Tambak Johor.

Projek yang turut membabitkan pembinaan jambatan baru serta beberapa kemudahan berkaitan, bagaimanapun bukan sebahagian daripada pakej pembangunan di pintu masuk selatan tanah air yang dirundingkan dengan Singapura.

Perdana Menteri berkata, projek itu akan menyelesaikan masalah kesesakan lalu lintas di kompleks CIQ di Tambak Johor yang kini mencapai tahap 'tidak boleh diterima lagi.'

Bagaimanapun, katanya kerajaan memberi jaminan pelaksanaan projek itu tidak akan mengabaikan kepentingan rakyat, terutama penduduk di sekitar kawasan terbabit.

"Projek ini tidak akan merugikan mana-mana pihak dan kita tidak akan menyusahkan sesiapa," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian selepas mendengar taklimat mengenai cadangan projek Gerbang Selatan Bersepadu (GSB) di tapak pembinaannya di Bukit Chagar, di sini, hari ini.

Sebelum ini, kerajaan mengadakan rundingan dengan kerajaan Singapura mengenai pakej pembinaan kompleks CIQ baru yang turut merangkumi jambatan baru bagi menggantikan Tambak Johor.

Pelan konsep projek GSB yang menggabungkan kemudahan pengangkutan dan perhubungan ke Singapura, akan dilaksanakan dengan sedikit pengubahsuaian terhadap pelan asalnya yang membabitkan kerjasama dua negara berjiran.

"Cadangan ini nampak bagus, kerajaan akan buat keputusan (mengenai kelulusannya) tidak lama lagi," katanya, sambil menambah kerajaan tidak menetapkan tempoh untuk membuat keputusan mengenainya.

Ditanya sama ada projek itu akan dibiayai kerajaan atau dana swasta, Dr Mahathir berkata, ia baru pada peringkat pelan konsep dan kerajaan belum membuat sebarang keputusan mengenai pelaksanaannya.

"Projek ini tidak membabitkan Singapura dan kita tidak perlu meminta kebenaran (daripada Singapura) untuk melaksanakannya kerana kita buat kita punya," katanya.

Mengenai penempatan semula penduduk di kawasan terbabit, terutama rumah pangsa iaitu Flet Lumba Kuda dan Bukit Chagar, Perdana Menteri berkata, kerajaan akan memutuskannya kemudian.

Terdahulu, Timbalan Pengerusi Eksekutif Gerbang Perdana Sdn Bhd, Datuk Yahya Abdul Jalil, dalam taklimatnya berkata, projek itu membabitkan cadangan menempatkan semula kompleks CIQ di Tambak Johor ke Stesen Keretapi Johor Bahru di Bukit Chagar.

Katanya, projek bersepadu yang serba moden itu turut merangkumi cadangan menggantikan sebahagian daripada tambak, termasuk pembinaan infrastruktur dan kemudahan berkenaan.

"Projek itu membabitkan cadangan pembinaan jambatan boleh berputar dan jambatan menggantikan laluan kenderaan menerusi tambak di kawasan sebelah Malaysia saja," katanya.

Difahamkan, projek yang dianggarkan menelan belanja sehingga RM2 bilion itu, dijangka siap sepenuhnya menjelang Disember 2005 dan boleh digunakan mulai Januari 2006. Kompleks CIQ sedia ada pula akan dirobohkan menjelang Oktober 2006.

Projek itu bakal dibina di tapak seluas 38.65 hektar, merangkumi tanah milik kerajaan, Keretapi Tanah Melayu Bhd (KTMB) dan kerajaan Johor.

Apabila siap kelak, projek itu menempatkan sekurang-kurangnya 15 jabatan dan agensi kerajaan yang berkaitan dengan urusan CIQ dan merangkumi enam jejambat.

Di PETALING JAYA, Dr Mahathir berkata beliau berharap Malaysia dan Singapura boleh mencapai satu persetujuan mengenai penjualan air kepada republik itu tidak lama lagi.

Kataya, walaupun mengakui bahawa tidak banyak kemajuan dilakukan terhadap isu itu sejak pertemuannya dengan Menteri Kanan Singapura, Lee Kuan Yew tahun lalu, beliau tidak menganggap kelewatan itu sebagai satu kebuntuan.

"Mengikut persetujuan itu (perkara dasar) kita harus bersetuju dengan harga baru. Jadi kita belum lagi bersetuju terhadap harga baru itu.

"Ia harus diselesaikan. Lagi lama perjanjian itu ditangguhkan ,lagi banyak wang yang rugi," katanya ketika ditanya mengenai perkembangan terbaru isu itu selepas melancarkan Pusat Komuniti (Kelas Tuisyen) Puteri Umno di kawasan flet Taman Seri Manja, di Petaling Jaya, Selangor petang ini.

Dr Mahathir berkata, ketika beliau berjumpa dengan Lee tahun lalu, kedua-dua mereka tidak mencapai sebarang persetujuan mengenai isu itu.

Dr Mahathir berkata beliau perlu berpegang kepada syarat tertentu supaya Malaysia tidak kerugian dari segi hasil.

"Singapura tidak akan bersetuju kecuali harga air kompetitif. Kita meminta harga rendah yang amat berpatutan bagi air kita," katanya.

(END)